

Mat Taib ikrar terus mantapkan Umno

BH 19 AU6 2000

KLANG, Jumaat –Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, hari ini, menyifatkan pelantikan semula beliau untuk menerajui kepemimpinan Umno negeri adalah satu penghormatan pucuk pimpinan kepadanya yang sudah tiga tahun tidak beraksi di arena politik.

Beliau berkata, sebagai bekas Menteri Besar Selangor yang berpengalaman 11 tahun menerajui kepemimpinan negeri, beliau

akan sentiasa bergerak seiring dengan Menteri Besar baru. Dr Mohamad Khir Toyo untuk memantapkan semula Umno Selangor.

Katanya, beliau akan terus menyusun agenda mengukuhkan semula parti terutama melaksanakan perancangan menjelang pilihan raya umum 2004 bagi memastikan Umno terus menjadi tunggak pembangunan negara dan perpaduan rakyat.

“Kita akan memberi

tumpuan di peringkat akar umbi, termasuk memulihkan semula sokongan dan kepercayaan rakyat kepada kepemimpinan Umno,” katanya ketika dihubungi di kediamannya, petang tadi.

Beliau sudah menghubungi pejabat Umno negeri untuk mengadakan mesyuarat khas, kira-kira jam 11 pagi, esok, bagi membolehkan Umno Selangor mengesahkan pelantikan Dr Mohamad Khir yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, mengucapkan tahniah kepada Muhammad di atas pelantikan itu.

“Saya yakin gandingan semangat muda dan pengalaman kedua-dua pemimpin ini akan meneruskan agenda pembangunan negeri Selangor, serta memantapkan badan perhubungan Umno negeri,” katanya.